



KELUARGA SELAMAT, KELUARGA BERKAT

Teks Khutbah Jumaat Khas Sempena Kempen “Dasar Keluarga Selamat”

(25 November 2022M / 30 Rabi’ulakhir 1444H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتَوَكَّلُ عَلَيْهِ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.
قال الله تعالى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٧٧﴾ يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ
وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧٨﴾

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah sekalian,

Di hari yang diharapkan penuh dengan limpahan rahmat dan keampunan dari Allah SWT ini, saya menyeru sidang jemaah sekalian, agar sama-sama kita mempertingkatkan ketakwaan terhadap Allah SWT dengan memperbanyakkan amalan kebaikan dan meninggalkan segala yang dilarang oleh-Nya. Mudah-mudahan dengan usaha kita ini dapat kita perolehi kejayaan di dunia dan akhirat sekaligus tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang terbaik.

Sebelum memulakan bicara, suka untuk khatib ingatkan agar para jemaah meletakkan telefon bimbit masing-masing pada mod senyap. Selain itu, elakkanlah dari berbual-bual, bermain telefon atau tidur dengan sengaja agar tidak menjejaskan kesempurnaan meraih ganjaran pahala. Bagi melengkapi kewajipan solat jumaat pada hari ini, marilah kita meninggalkan perkara-perkara lagha yang

bertentangan dengan sunnah serta adab dan menghayati bicara mimbar yang bertajuk: **“KELUARGA SELAMAT, KELUARGA BERKAT.”**

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Islam adalah sebuah agama yang penuh dengan rasa cinta dan kasih sayang. Kasih sayang merupakan satu sifat mulia yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada setiap manusia. Hal ini jelas terbukti apabila banyak ayat di dalam kitab suci Al-Quran yang menyentuh mengenai kecintaan terhadap Allah SWT atau kecintaan sesama makhluk. Hubungan kasih sayang sesama manusia dan keluarga adalah sebahagian daripada fitrah kehidupan kita yang mengimpikan kesejahteraan dan kemakmuran.

Hal ini adalah kerana menjalinkan hubungan baik sesama manusia merupakan sebagian dari konsep kehidupan yang hakiki, dimana semua manusia adalah sama di mata Allah SWT, yang membezakan kita hanyalah tingkat keimanan dan ketaqwaan. Dengan adanya rasa kasih sayang, terbentuklah rasa mengambil berat, kedamaian dan empati kepada orang lain. Kasih sayang dan hormat-menghormati di dalam keluarga adalah perlu untuk membentuk masyarakat rahmah yang menjauhi segala elemen keganasan dalam kehidupan seharian. Sebagaimana Firman Allah dalam Surah ar-Rum ayat 21:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً
وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Maksudnya: *“Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.”*

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Baik atau buruknya sesuatu masyarakat itu bermula dengan keluarga. Dalam keluarga pula ada kewajiban untuk saling menjaga dan melindungi antara satu sama lain. Ini adalah kerana keruntuhan institusi keluarga boleh berlaku jika berlaku

sesama ahli keluarga. Keganasan atau penyalahgunaan kuasa terhadap ahli keluarga di dalam rumah boleh terjadi dalam bentuk fizikal, pertuturan, psikologi dan juga melalui perasaan atau emosi. Berdasarkan data dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang, 100 pasangan, 47 ibu bapa dan 25 anak telah terlibat dengan kes keganasan rumah mengikut hubungan pelaku dan mangsa sepanjang tahun 2021 hingga Mei 2022.

Melihat kepada data ini, akan bahagiakah kehidupan berkeluarga apabila terdapat ahli keluarga yang sering diselubungi ketakutan dan bukannya ketenangan? Tenangkah kehidupan kita dengan menyakiti mereka yang kita sayang? Tidakkah kita sedar bahawa keganasan rumah tangga akan memberi implikasi jangka panjang terhadap kesihatan mental mangsa yang terlibat, termasuk juga ahli keluarga yang menetap dalam rumah yang sama.

Ketika kanak-kanak lain seusia mereka dimanjai, diraikan dan hidup dalam keceriaan, anak kita pula terpaksa menanggung kesan buruk akibat daripada keganasan dalam keluarga sendiri. Anak-anak akan lebih selesa mengasingkan diri daripada bermain dengan rakan sepermainan mereka. Pelajaran mereka juga akan terganggu akibat daripada trauma yang dialami.

Berikutan daripada impak tekanan emosi yang mereka alami, maka akan wujud satu generasi baru atau keluarga yang menganggap keganasan adalah satu norma. Mahukah kita melihat masa depan cucu dan cicit kita hancur kerana kelalaian kita sekarang? Kitaran ini akan terus berlaku dan berulang selagi kita gagal mengubah corak kehidupan hidup kita. Bukankah Nabi SAW telah menitipkan pesanan untuk melayani ahli keluarga dengan baik melalui sabdanya:

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ
وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِأَهْلِي وَإِذَا مَاتَ صَاحِبُكُمْ فَدَعُوهُ

Maksudnya: "Daripada Aisyah RA dia berkata; Rasulullah SAW bersabda: "Sebaik-baik kalian adalah yang paling baik terhadap ahli keluarganya, dan aku adalah orang yang paling baik terhadap ahli keluargaku, apabila sahabat kalian meninggal dunia maka biarkanlah dia (tinggalkanlah dia jangan membicarakan keburukan- keburukannya)." (Hadis Riwayat At-Tirmizi)

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Agama Islam adalah agama yang mementingkan nilai kasih sayang. Oleh yang demikian, setiap keluarga yang dibina perlu berlandaskan nilai ini melalui persefahaman yang kukuh antara satu sama lain. Berpegang teguh kepada ajaran Allah SWT agar tidak mudah terpengaruh dengan sifat-sifat *mazmumah* yakni sifat-sifat buruk lagi terkeji.

Suami dan isteri perlu memahami yang mereka mempunyai tanggungjawab yang berbeza dalam rumah tangga disebabkan perbezaan dan kelebihan yang ada pada kedua-duanya. Oleh disebabkan itu, suami dan isteri perlu memahami dan memainkan peranan masing-masing bagi mencapai sakinah, mawaddah dan rahmah dalam rumah tangga.

Komunikasi antara ahli keluarga adalah penting bagi memastikan tiada salah faham dan dendam yang terpendam antara satu sama lain agar tidak menjadi barah yang menghancurkan keharmonian keluarga. Kita harus sama-sama memperingati dan memperkuat hubungan pertalian dengan ALLAH SWT. Antaranya dengan memastikan diri kita dan ahli keluarga berpegang teguh dengan rukun Islam yang kedua iaitu menunaikan solat lima waktu. Dan ibadah ini alangkah indahkannya jika dapat dilakukan secara berjemaah bersama keluarga tersayang.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN SEKALIAN,

Mengakhiri khutbah, ingatlah bahawasanya setiap manusia mempunyai fitrah ingin berkahwin, mempunyai zuriat dan hidup berkeluarga. Jika kita sedang dan bakal menjadi seorang ketua keluarga, ingatlah bahawa tiada rumah tangga yang tidak pernah dilanda badai. Maka lengkapi diri dengan ilmu, iman dan amal, nescaya inilah yang akan menjadi senjata ampuh dalam melayari bahtera berumah tangga.

Oleh itu, marilah kita menanam dan menyemai rasa kasih sayang yang merupakan fitrah semula jadi kurniaan oleh Allah SWT. Semoga diri kita dan seluruh ahli keluarga menikmati "syurga" yang sejahtera ketika di dunia dan kekal bahagia sehingga ke Syurga-Nya.

Firman Allah dalam Surah at-Tur ayat 21:

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَاتَّبَعَتْهُمْ ذُرِّيَّتُهُمْ بِإِيمَانٍ ؕ آَلَحَقْنَا بِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَمَا أَتَيْنَاهُمْ مِنْ
عَمَلِهِمْ مِنْ شَيْءٍ ۚ كُلُّ امْرِئٍ بِمَا كَسَبَ رَهِينٌ ﴿٢١﴾

Maksudnya: "Dan orang-orang yang beriman yang diturut oleh zuriat keturunannya dengan keadaan beriman, Kami hubungkan (himpunkan) zuriat keturunannya itu dengan mereka (di dalam Syurga); dan Kami (dengan itu) tidak mengurangi sedikitpun dari pahala amal-amal mereka; tiap-tiap seorang manusia terikat dengan amal yang dikerjakannya.."

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْكِتَابِ وَالسُّنَّةِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِالْآيَاتِ وَالْحِكْمَةِ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، إِنْ كَانَ صَوَابًا فَمِنَ اللَّهِ الْمَنَّانِ، وَإِنْ كَانَ خَطَأً فَمِنْ نَفْسِي وَالشَّيْطَانِ،
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



خطبة كدوا بولن نوؤمبر

2022M/ 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلَائِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيْقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا
حَكِيمًا: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾ [الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلَّم عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٍ نِ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَن آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أَيْمَتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزَرَءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا.

اللَّهُمَّ وَفَّقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَكذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالرَّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ
عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf melalui agensi milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Wakaf Pulau Pinang (WPP). Bersama-sama kita sumbangkan 10% daripada hasil kutipan Tabung Jumaat mingguan dari setiap masjid kepada Tabung Wakaf yang telah ditubuhkan.

Semoga infaq yang dihulurkan menjadi saham yang berkekalan manfaatnya, di dunia dan akhirat.

Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara. Ya Allah! Kuatkan iman kami agar dapat menghindari perbuatan khianat, salah guna kuasa dan harta, memberi atau menerima rasuah dan segala perbuatan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara. Jauhkan kami dari tergolong dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ يَذْكُرْكُمْ،
وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٥٢﴾